

## **siri mengenali JIN- Bahagian 1**

Kiriman pada Monday, April 04 @ 18:32:41 SGT Dilulus oleh JunDullah

oleh : Syed Sabiq r.hm.

Jin adalah sejenis makhluk yang berada dialam ruh yang mempunyai akal, kehendak dan ditakliffkan seperti manusia. Walaupun begitu, mereka tidak bersifat seperti sifat fizikal manusia dan mereka ghaib dari pandangan pancaindera. Tabiat dan gambaran mereka tidak dapat dilihat namun mereka mempunyai keupayaan untuk menjelma kepada pelbagai bentuk dan rupa.

### **Cara Mengenali Mereka**

Hanya wahyu sahaja yang boleh memberitahu kita berkenaan alam jin ini. Kitab al-Quran dan sunnah nabi s.a.w. yang sahih telah memberikan gambaran berkenaan asal kejadian jin, kumpulan-kumpulan mereka dan kesudahan setiap kumpulan tersebut. Begitu juga diceritakan berkenaan taklif dan bagaimana mereka mendengar al-Quran yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w.

### **Asal Kejadian Mereka**

Allah s.w.t. telah berfirman berkenaan asal kejadian jin, maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma.

(Al-Hijr: 26-27)

Ayat ini menunjukkan:

1. Awal kejadian manusia adalah daripada tanah kemudian ia diadunkan dengan air lalu menjadi tanah liat. Selepas beberapa lama ia menjadi tanah hitam yang berbau (yang telah terbentuk). Kemudian campuran ini akan kering dan berubah baunya sehingga menjadi tanah kering.
2. Jin pula diciptakan (pada awal kejadiannya) daripada api yang tidak berasap kerana perkataan (as-Samum) seperti dalam ayat bermaksud hawa panas dari puncak api yang bersih (tanpa asap).
3. Kejadian jin adalah lebih dahulu daripada kejadian manusia.

## **siri mengenali JIN- Bahagian 2**

Kiriman pada Tuesday, April 05 @ 20:39:59 SGT Dilulus oleh JunDullah

Oleh: Syed Sabiq rhm

### **Kumpulan-kumpulan Jin**

Jin terdiri dari beberapa kumpulan: ada kumpulan yang beristiqamah, baik dan beramal soleh. Kumpulan kedua ialah yang kurang daripada itu. Kumpulan ketiga ialah mereka yang bodoh dan lalai manakala kumpulan keempat pula ialah mereka yang kafir. Kumpulan keempat inilah merupakan majoriti dalam masyarakat jin.

Allah s.w.t. telah berfirman:

**Dan bahawa sesungguhnya (memang maklum) ada di antara kita golongan yang baik dan ada di antara kita yang lain dari itu; kita masing-masing adalah menurut jalan dan cara yang berlainan.**

(Al-Jin: 11)

Iaitu antara mereka ada yang begitu baik dan ada yang kurang baik. Mereka berada dalam kumpulan yang berbeza sepertimana manusia. Firman Allah s.w.t. lagi yang bermaksud:

**Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya Al-Quran, nyatalah) ada di antara kita golongan yang beragama Islam, dan ada pula golongan yang (kufur derhaka) menyeleweng dari jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam (dengan**

beriman dan taat), maka merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar, ` Adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakaran bagi neraka Jahannam.

(Al-Jin: 14-15)

Iaitu antara mereka ada yang Islam dan ada yang menzalimi diri mereka dengan kekufuran. Jin yang Islam ialah yang telah mengerjakan sesuatu perkara kerana mendapat hidayah. Sesiapa yang menzalimi diri mereka sendiri merupakan bahan bakar kepada neraka jahanam.

### **siri mengenali JIN- Bahagian 3**

Kiriman pada Thursday, April 14 @ 22:44:27 SGT Dilulus oleh JunDullah

oleh : Syed Sabiq r.h.m

### **Jin Juga Ditaklifkan Seperti Manusia**

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

**Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintah-Ku), dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (kiamat) ini? Mereka menjawab: "Kami menjadi saksi mengakui akan (kesalahan) diri kami sendiri (mendustakan Rasul-rasul itu)." Dan (sebabnya ialah) mereka telah diperdayakan oleh (kemewahan) hidup di dunia dan (kerana itulah) mereka menjadi saksi (pada hari akhirat) terhadap diri mereka sendiri: (bahawa) sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mengingkari (apa yang telah disampaikan oleh Rasul-rasul itu).**

(Al-An`am: 130)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

**Kami hanya akan menguruskan hitungan dan balasan amal kamu sahaja (pada hari kiamat,) wahai manusia dan jin! Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)! Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?**

(Ar-Rahman: 31-34)

Makna ayat-ayat ini: wahai Manusia dan Jin (As-Thaqalan), Kami akan meluangkan sepenuh masa untuk menghitung kamu dengan teliti di mana perkara-perkara lain tidak akan dapat mengalihkan tumpuan Kami dari perhitungan tersebut.

As-Thaqalan berasal dari perkataan as-Thaqlu iaitu beban, yang bermaksud makhluk yang menanggung beban taklif iaitu manusia dan jin.

Wahai kumpulan jin dan manusia, sekiranya kamu mampu untuk melarikan diri dari perhitungan itu ke mana-mana pelusuk langit dan bumi ini, lari dan pergilah tetapi ingat kamu tidak akan berupaya melakukannya kecuali dengan kekuatan yang melebihi kekuatan Allah s.w.t.. Itu sama sekali tidak mungkin terjadi kerana ia perkara yang mustahil.

## siri mengenali JIN- Bahagian 4

Kiriman pada Wednesday, April 20 @ 07:31:54 SGT Dilulus oleh JunDullah

Oleh Syed Sabiq r.h.m

### Mereka Mendengar Al-Quran daripada Rasul

Sekumpulan jin telah hadir sewaktu Rasulullah s.a.w. membaca al-Quran. Mereka mendengar bacaan Al-Quran tersebut sedang Baginda s.a.w. tidak dapat melihat atau mengetahui kehadiran mereka. Dalam hal ini, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: **Dan (ingatlah peristiwa) semasa Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Quran; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!"** Kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran Al-Quran itu dengan) memberi peringatan dan amaran. Mereka berkata: **"Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar Kitab (Al-Quran) yang diturunkan (oleh Allah) sesudah Nabi Musa, yang menegaskan kebenaran Kitab-kitab Suci yang terdahulu daripadanya, lagi, memandu kepada kebenaran (tauhid) dan ke jalan yang lurus (agama Islam) "Wahai kaum kami! Sahutlah (seruan) Rasul (Nabi Muhammad) yang mengajak ke jalan Allah, serta berimanlah kamu kepadanya, supaya Allah mengampunkan sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya. "Dan sesiapa tidak menyahut (seruan) Rasul yang mengajaknya ke jalan Allah, maka dia tidak akan dapat melepaskan diri (dari balasan azab walau ke mana sahaja dia melarikan diri) di bumi, dan dia tidak akan beroleh sesiapaupun - yang lain dari Allah - sebagai pelindung-pelindung yang membelanya; mereka (yang demikian sifatnya) adalah dalam kesesatan yang nyata . - (Al-Ahqaf: 29-33)**

Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan sabdanya yang bermaksud:

Rasulullah s.a.w. tidak pernah membaca al-Quran kepada jin dan tidak pernah dapat melihat mereka. Apa yang berlaku ialah Baginda s.a.w. dan sebahagian sahabat. pergi ke pasar Ukaz. Pada ketika itu, syaitan-syaitan telah terhalang dari menerima khabar berita dari langit dan telah disambar api kilat. Syaitan-syaitan itu kembali kepada kumpulan mereka lalu kumpulan mereka bertanya: Apa kena dengan kamu semua ini? Mereka menjawab: Khabar dari langit telah disekat dan kami disambar api. Kaum mereka berkata: Pasti ada sesuatu perkara yang berlaku. Lalu mereka pergi meninjau ke seluruh pelusuk bumi. Beberapa syaitan yang meninjau di bahagian Tihamah berjumpa dengan kumpulan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang sedang bersembahyang subuh berjamaah. Apabila mereka mendengar al-Quran yang dibacakan mereka berkata: Inilah perkara yang menghalang kami mendapat berita langit itu. Merekapun kembali kepada kaum mereka dan berkata: "Wahai kaum, kami telah mendengar al-Quran yang amat ajaib yang memberikan petunjuk kepada kebenaran lalu kami beriman dengannya dan kami tidak akan sekali-kali syirik terhadap tuhan kami" .

Lalu Allah s.w.t. menurunkan kepada nabi Muhamad s.a.w. firman-Nya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Telah diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya: satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang aku bacakan)." ( surah al-Jin: 1)---riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi, an-Nasaie dan al-Baihaqi.

Al-Hafiz al-Baihaqi berkata: Inilah yang diceritakan oleh Ibnu Abbas r.a. Itulah kali pertama jin-jin tersebut mendengar al-Quran yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w. dan mengetahui keadaan Rasulullah s.a.w. Ketika itu nabi tidak membacakan Quran itu kepada mereka dan tidak pun melihat mereka. Tetapi selepas itu datang wakil daripada kumpulan jin lalu Nabi s.a.w.

membacakan al-Quran kepada mereka dan mengajak mereka kepada Allah s.w.t..

Riwayat ini menunjukkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Alqamah yang bermaksud:

Aku berkata kepada Ibnu Mas`ud: Adakah salah seorang daripada kamu pernah bersama Nabi s.a.w. menemui jin?. Ibnu Mas'ud berkata: Tidak pernah, tetapi pada satu malam ketika berada di Mekah, kami tidak dapat menjumpai Baginda s.a.w.. Ada di antara kami berkata: Mungkin Baginda s.a.w. telah dibunuh ataupun ditangkap. Apakah yang akan dilakukan kepada Baginda? Malam itu kami tidur dengan begitu sengsara sekali (kerana memikirkan keselamatan Rasulullah s.a.w.). Keesokan harinya, ketika subuh ataupun hampir subuh kami dapati baginda datang dari arah gua Hiraa'. Ibnu Mas`ud menyambung ceritanya: Lalu para sahabat menceritakan kerungsingan mereka. Baginda s.a.w. kemudian bersabda: Aku telah didatangi oleh penyeru kepada syurga lalu aku pergi bersama-sama mereka dan membaca al-Quran kepada mereka. Selepas itu Baginda s.a.w. berjalan dan kami mengikutinya. Baginda s.a.w. menunjukkan kepada kami kesan-kesan para jin dan kesan api-api mereka. Mereka meminta bekalan makanan lalu Baginda s.a.w. bersabda: "Setiap tulang yang disebut nama Allah s.w.t. (ketika menyembeliknya) akan menjadi bertambah dagingnya kepada kamu manakala setiap najis ataupun tahi akan menjadi makanan kepada binatang-binatang peliharaan kamu. (Riwayat Ahmad, Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi dari Alqamah. )

### **Kenali JIN siri5: JIN TIDAK MENGETAHUI PERKARA GHAIB**

Kiriman pada Saturday, April 30 @ 17:49:57 SGT Dilulus oleh JunDullah

Oleh Syed Sabiq r.h.hm

Alam ghaib adalah kepunyaan Allah s.w.t.. Allah s.w.t. tidak memberitahu sesiapa pun mengenainya melainkan perkara yang perlu diketahui oleh Rasul-rasul-Nya untuk disampaikan kepada manusia. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun, - "Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redhai-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasinya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan).

(Al-Jin: 26-27)

Allah s.w.t. menjadikan pengawal kepada Rasul yang diperlihatkan kepadanya sebahagian perkara ghaib yang berkaitan dengan risalahnya. Pengawal daripada Malaikat dan juga api ini adalah bertujuan memulihkan perkara ghaib tersebut daripada mainan syaitan. Dalam kisah Nabi Sulaiman, Al-Quran menyatakan yang maksudnya:

Setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. Maka apabila dia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.

(Saba': 14)

### **Kenali Jin siri 6-Jin Dijadikan Untuk Berkhidmat Kepada Nabi Sulaiman a.s.**

Kiriman pada Tuesday, May 24 @ 19:58:43 SGT Dilulus oleh junDullah

Oleh Syed Sabiq r.h.m

Allah s.w.t. telah menjadikan jin-jin untuk berkhidmat kepada Nabi Sulaiman dan perkara ini tidak berlaku kepada orang lain sebagaimana yang diketahui. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Maka (Kami kabulkan permohonannya lalu) Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang hendak ditujunya; Dan (Kami mudahkan baginya memerintah) Jin Syaitan; (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan, dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing). Dan Jin-jin Syaitan yang lain dipasung dalam rantai-rantai belunggu. (Serta Kami katakan kepadanya): "Inilah pemberian Kami (kepadamu), maka berikanlah (kepada sesiapa yang engkau suka), atau tahankanlah pemberian itu; (terserahlah kepadamu) dengan tidak ada sebarang hitungan (untuk menyalahkanmu).-(S'od: 36-39)

Maksud firman-Nya lagi:

Dan Kami kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya: sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan; dan Kami alirkan baginya mata air daripada tembaga; dan (Kami mudahkan) sebahagian dari jin untuk bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan sesiapa dari jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan merasakannya (pukulan) dari azab api neraka. Golongan jin itu membuat untuk Nabi Sulaiman apa yang dia kehendaki dari bangunan-bangunan yang tinggi, dan patung-patung, dan pinggan-pinggian hidangan yang besar seperti kolam, serta periuk-periuk besar yang tetap di atas tukunya.(Saba': 12-13)

Dalam satu peristiwa, Nabi Sulaiman a.s. meminta ahli sidanganya untuk membawa Arasy pemerintahan Puteri Balqis dengan berkata:

Nabi Sulaiman berkata pula (kepada golongan bijak pandainya): "Wahai pegawai-pegawaku, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya sebelum mereka datang mengadapku dalam keadaan berserah diri (memeluk Islam)?" Berkatalah Ifrit dari golongan jin: "Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat gagah untuk membawanya, lagi amanah . (An-Naml: 38-39)

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. baginda bersabda yang bermaksud:

Semalam, seekor ifrit dari kalangan jin telah melintas untuk menghalang sembahyangku lalu Allah menjadikan aku berjaya menangkapnya. Aku membawanya dan aku ingin ikatkannya pada salah satu tiang masjid agar kamu semua dapat melihatnya. Ketika itu, baru aku teringat doa nabi Sulaiman: "Wahai tuhan berikan kepadaku kerajaan yang tidak mampu dimiliki oleh sesiapaupun selepasku". Selepas itu, aku pun melepaskannya."

### **Kenali Jin siri 7: Iblis dan Syaitan**

Kiriman pada Monday, June 06 @ 15:50:24 SGT Dilulus oleh webmaster

oleh: Syed Sabiq

Iblis adalah kalimah 'ajam (asing - bukan perkataan arab). Oleh itu ia adalah termasuk dalam kaedah 'Mamnu' minas saraf' (tidak menerima baris bawah dan baris dua di atas atau hadapan atau bawah). Pendapat lain menyatakan bahawa ia adalah perkataan arab, pecahan daripada perkataan al-Iblas yang bermaksud putus asa dari rahmat Allah s.w.t. ataupun jauh dari kebaikan. Ia diklasifikasikan dalam kaedah 'mamnu' minas saraf' kerana tiada nama lain seumpamanya atau kerana perkataan ini hampir kepada perkataan ajam.

Iblis merupakan bapa kepada syaitan-syaitan (1) dan juga asal syaitan itu sendiri (2). Syaitan ialah golongan jin yang menderhakai Allah s.w.t..

nota kaki: -----

(1) Syaitan terdiri daripada jin, manusia atau binatang yang menyeleweng. Maksud syaitan di sini ialah yang menyeleweng dari kalangan jin sahaja.

(2) Ia akan kekal sehingga hari kiamat. Dia telah meminta untuk dipanjangkan usia dan Allah s.w.t. telah memakbulkan permintaannya. Dia juga mempunyai zuriat.

Sekiranya malaikat adalah tentera Allah s.w.t. yang mewakili perkara baik, kejayaan dan pembaikan, iblis dan syaitan pula merupakan musuh Allah s.w.t. yang mewakili segala perkara yang jahat dan rosak. Oleh itu kerja-kerja malaikat adalah bertentangan dengan kerja-kerja syaitan.

Tugas malaikat lebih tertumpu kepada beribadat kepada Allah s.w.t., meninggikan martabat manusia, menyusun urusan kewujudan ini dan membina petunjuk-petunjuk kepada sistem alam ini. Malaikat berusaha untuk menyatu, menghimpun, menyelaras dan memberi petunjuk kepada manusia kearah kebenaran. Malaikat juga sentiasa berdoa agar Allah s.w.t. mengampunkan kesalahan manusia dan memelihara mereka dari kesilapan.

Manakala kerja syaitan pula sentiasa menumpukan kepada pemberontakan terhadap Allah s.w.t., memecah belah, mengoyak, merosak dan membinasakan. Ia juga akan memutuskan segala yang diperintahkan Allah s.w.t. supaya menyambungkannya dan menyambung apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. supaya memutuskannya. Segala kejahatan dan kerosakan yang berlaku di atas muka bumi mempunyai hubungan dengan syaitan. Merekalah yang telah menghiasi perbuatan buruk umat-umat yang terdahulu, mengelokkan perkara kufur dan maksiat yang dilakukan, menyeru manusia untuk mendustai para Rasul dan menentang perintah Allah s.w.t.. Inilah kerja mereka dahulu, kini dan selamanya. Maksud Firman Allah s.w.t.:

Demi Allah! Sesungguhnya kami juga telah mengutus Rasul-rasul kepada umat-umat yang terdahulu daripadamu (wahai Muhammad), lalu Syaitan memperlakukannya pada pandangan mereka yang ingkar akan amal-amal mereka yang jahat itu; maka dia lah menjadi pemimpin mereka pada hari ini; dan mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.(An-Nahl: 63)

Iyadh bin al-Mujasyi`ie r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pada satu hari telah berkhotbah maksudnya:

Ketahuilah bahawa tuhanku telah memerintahkan aku untuk memberitahu kamu apa yang diberitahu kepadaku hari ini. Allah s.w.t. memberitahuku bahawa: "Setiap harta yang diusahakan oleh seseorang itu adalah halal dimakan (1). Aku telah menciptakan hamba-Ku dalam keadaan bersih kemudian datangnya syaitan lalu dia menghalang mereka dari agama mereka, mengharamkan kepada mereka apa yang telah Aku halalkan. Syaitan memerintah mereka agar menyekutukan dengan-Ku apa yang tidak Aku izinkan". Seterusnya Allah s.w.t. melihat ke bumi dan memurkainya sama ada arab ataupun bukan arab kecuali sebilangan orang yang masih mengikut kitab (2).

Allah s.w.t. berfirman: "Aku mengutuskanmu hanyalah untuk aku menguji kamu dan menguji manusia denganmu (3). Aku turunkan kepadamu kitab yang tidak akan dapat dibasuh oleh air dan akan dibaca sama ada oleh orang yang sedang tidur dan orang yang jaga (4).

notakaki:-----

(1) Tuhan berkata: Setiap harta yang diusahakan oleh hamba-Nya mengikut hukum syarak adalah halal kepadanya seperti kurniaan dari orang yang berkuasa, hadiah dari orang lain, perkilangan, pertanian dan segala kerja yang lain. Oleh itu, jangan kamu haramkan ke atas diri kamu apa yang Aku tidak haramkan ke atas kamu.

(2) Allah s.w.t. melihat penduduk bumi dengan murka-Nya sebelum pengutusan nabi kita Muhammad s.a.w.. Allah s.w.t. memurkai mereka kecuali sebahagian ahli kitab yang tidak mengubah kitab mereka.

(3)Menguji kamu adakah kamu menjalankan amanah risalah. Dia juga ingin menguji manusia denganmu adakah mereka beriman ataupun kufur kepadamu.

(4)Tidak boleh dibasuh dengan air kerana ia berada dalam mashaf bahkan juga berada dalam dada-dada orang yang menghafalnya yang boleh dibaca pada setiap masa.

Syaitan berperanan menyeru ke arah penyelewengan agama, keluar dari fitrah, syirik kepada Allah s.w.t., mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Syaitan ini sentiasa menunggu manusia dengan segenap cara dan jalan untuk menghalang mereka dari jalan Allah s.w.t., dan memesonngkan mereka dari melakukan amalan yang mulia.

Dalam hadis Sabrah bin Faakah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya syaitan menanti anak Adam pada beberapa jalan: Dia menanti anak Adam pada jalan Islam dan berkata: Adakah kamu masuk Islam dan meninggalkan agama kamu dan agama nenek moyang kamu? Namun manusia itu mengingkari syaitan dan masuk Islam. Kemudian dia menantinya pada jalan hijrah dengan bertanya: Adakah kamu ingin berhijrah meninggalkan tanah air dan langit kamu? Namun dia melawannya dan terus berhijrah. Kemudian dia menanti pada jalan jihad dan berkata: Adakah kamu ingin berjihad? Ia membinasakan diri sendiri dan membinasakan harta. Nanti kamu berperang, kamu akan terbunuh dan isteri kamu akan dikahwini oleh orang lain dan harta kamu pula dibahagi-bahagikan. Namun anak Adam itu tetap melawannya dan terus berjihad. Rasulullah s.a.w. menambah: Sesiapa yang melakukan sedemikian dan dia mati dalam keadaan demikian, pasti Allah s.w.t. akan memasukkannya ke dalam syurga.

Syaitanlah yang memainkan peranan utama dalam usaha menghapuskan agama Islam pada pertembungan pertama antara Islam dan musuhnya (peperangan Badar). Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Syaitan memperhiaskan kepada mereka perbuatan mereka (yang salah itu, untuk dipandang elok dan diteruskan), serta menghasut mereka dengan berkata: "Pada hari ini tidak ada sesiapa pun dari umat manusia yang dapat mengalahkan kamu, dan sesungguhnya aku adalah pelindung dan penolong kamu". Maka apabila kedua-dua puak (angkatan tentera Islam dan kafir musyrik) masing-masing kelihatan (berhadapan), Syaitan itu berundur ke belakang sambil berkata: "Aku berlepas diri dari kamu, kerana aku dapat melihat apa yang kamu tidak dapat melihatnya; sesungguhnya aku takut kepada Allah, dan Allah sangat berat azab seksa-Nya. (Al-Anfal: 48)

Syaitan ini jugalah yang sentiasa menghiaskan amal buruk seseorang mengikut apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya sama ada dalam soal seks, tamak harta, pentingkan jawatan, inginkan pangkat ataupun cenderung kepada diktatorisme dan cara- cara yang melampau. Bahkan syaitan juga menguasai jiwa sebahagian daripada orang-orang yang beragama agar mereka menokok tambah apa yang telah disyariatkan ataupun mengurangkan apa yang telah ditetapkan Allah s.w.t. semata-mata kerana hawa nafsu dan tunduk kepada syahwat mereka.

Dialah juga yang mencetuskan segala permusuhan dan perbalahan antara manusia, memecahbelahkan antara saudara, antara suami dan isteri dan antara kumpulan-kumpulan umat ini. Syaitan juga telah menghidupkan api peperangan antara umat dan bangsa-bangsa, meniupkannya untuk memusnahkan tanaman dan keturunan dimana kemusnahannya berlaku di seluruh daratan dan lautan.

Setiap syaitan akan menjadi lebih dekat kedudukannya dengan ketuanya iblis sekiranya mereka lebih berketerampilan dalam mengendalikan soal-soal kejahatan. Jabir r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya Iblis telah meletakkan tempat duduknya di atas air lalu melepaskan segala utusannya. Syaitan yang paling dekat kedudukannya adalah yang paling banyak kejahatannya. Seekor syaitan berkata kepadanya: Aku telah melakukan itu dan ini. Lalu Iblis berkata: Engkau tak buat apa-apun. Seekor lagi berkata: Aku tidak tinggalkan seseorang itu melainkan apabila aku telah berjaya memisahkan antaranya dengan isterinya. Lalu Iblis pergi dekat dengannya dan berkata: Syabas! Ya begitulah yang aku mahu engkau lakukan.

Jenayah seksual, gejala akhlak, masalah sosial yang kronik, krisis politik dan ekonomi yang teruk serta apa sahaja keburukan dan kecelakaan yang dialami oleh manusia adalah hasil perbuatan durjana Iblis dan kuncu-kuncunya yang amat jahat.

### **JIN siri-8-Setiap Manusia Ada Syaitan Bersamanya**

Kiriman pada Monday, June 13 @ 23:17:14 SGT Dilulus oleh webmaster

Oleh: Syed Sabiq rhm

Sepertimana Allah s.w.t. mengutuskan malaikat bersama setiap manusia untuk memberikan petunjuk dan menyokongnya, Allah s.w.t. juga mengutuskan syaitan untuk bersamanya yang akan mengeliru dan menghiaskan amalan buruknya serta menggodanya ke arah kemungkaran dan kejahatan. Semua manusia termasuk para Nabi tidak terlepas dari perkara ini.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

**Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari kalangan syaitan-syaitan manusia dan jin, sebahagiannya membisikkan kepada sebahagian yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya.** (Al-An`am: 112)

Aisyah r.ha. ada meriwayatkan sebuah hadis yang bermaksud:

Pada satu malam, Nabi s.a.w keluar dari rumahku yang menyebabkan aku merasa cemburu. Apabila Baginda s.a.w. balik, Baginda s.a.w. menyedari perilakuku itu dan bersabda: Wahai Aisyah r.ha., kenapa ni? Adakah kamu cemburu? Aku berkata: Bagaimana orang yang sepertiku tidak cemburu kepada orang yang sepertimu? Baginda s.a.w. bersabda: Adakah syaitanmu telah datang (menggoda perasaanmu)? Aku bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w. adakah aku mempunyai syaitan? Baginda s.a.w. menjawab: Ya. Aku bertanya lagi: Adakah setiap manusia mempunyai syaitannya? Baginda s.a.w. menjawab: Ya. Aku bertanya: Kamu juga mempunyai syaitanmu? Baginda menjawab: Ya, tetapi Allah s.w.t. telah menolongku sehinggalah dia telah masuk Islam. (2)

Abdullah bin Mas`ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Setiap dari kamu telah diwakilkan dengan qarín (teman) dari kalangan jin. Mereka bertanya: Adakah engkau juga begitu wahai Rasulullah?

Baginda s.a.w. menjawab: Ya, aku pun begitu tetapi Allah s.w.t. telah menolongku lalu ia telah masuk Islam dan hanya menggodaku ke arah kebaikan. (3)

nota kaki: -----

1- Secara akal dan saintifik, tiada satu pun teori yang menolak kewujudan ruh jahat yang menggoda anak Adam dalam kehidupan mereka. Alam ruh adalah alam yang amat luas yang secara saintifiknya telah terbukti wujud. Manusia telah melalui kurun dan zaman di mana mereka tidak mengetahui berkenaan kuman dan kesan-kesannya tetapi kemudian mereka menjumpainya. Ketika mereka tidak mengetahuinya adakah ia tidak wujud? Jahil terhadap sesuatu perkara bukan bererti perkara itu tidak wujud.

2 dan 3- Riwayat Muslim

Atabah/Kenali JIN/m.s 8 dari 9

## JIN siri-9-Berpaling Dari Hidayah Akan Memberikan Kuasa Kepada Syaitan

Kiriman pada Thursday, June 30 @ 07:26:14 SGT Dilulus oleh webmaster

Oleh: Syed sabiq

### Berpaling Dari Hidayah Akan Memberikan Kuasa Kepada Syaitan

Syaitan tidak berupaya untuk menguasai jiwa manusia melainkan jika manusia itu sendiri berpaling dari hidayah Allah s.w.t. dan keluar dari dasar yang telah ditetapkan-Nya. Apabila manusia enggan menerima jalan yang telah ditetapkan itu, Allah s.w.t. akan membalasnya dengan penguasaan syaitan ke atas dirinya. Lalu syaitan memandunya ke arah kejahatan dan kerosakan sama ada dalam perkataan mahupun perbuatan.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan sesiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (Al-Quran yang diturunkan oleh Allah) Yang maha Pemurah, Kami akan adakan baginya Syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu Syaitan itu menjadi temannya yang tidak renggang daripadanya. Dan sesungguhnya Syaitan-syaitan itu tetap menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedang mereka menyangka bahawa mereka orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. Sehingga apabila ia (yang terjerumus dalam kesesatan itu) datang kepada Kami (pada hari kiamat), berkatalah ia (kepada Syaitannya): "Alangkah baiknya (kalau di dunia dahulu ada sekatan yang memisahkan) antaraku denganmu sejauh timur dengan barat! Kerana (engkau) adalah sejahat-jahat teman". (Lalu dikatakan kepada mereka): "Pada hari ini, setelah nyata bahawa kamu telah menganiaya diri sendiri, (maka apa yang kamu cita-citakan itu) tidak sekali-kali akan memberi faedah kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dan teman-teman kamu itu tetap menderita bersama-sama di dalam azab .(Az-Zhukruf: 36-39)

Berterusan dalam kehinaan dan kesesatan akan memungkin syaitan menguasai jiwa manusia sepenuhnya sehingga manusia itu menjadi kunci-kunci Iblis ataupun anggota dalam kumpulan syaitan. Firman Allah s.w.t.yang bermaksud:

Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah golongan Syaitan. Ketahuilah! bahawa golongan Syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi."(Al-Mujadalah: 19)

Apabila manusia sampai ke peringkat itu dan terhumban ke sana bermakna kemunduran dari segi ruh dan kekufurannya telah sampai ke peringkat paling bawah. Di peringkat ini, segala piawai akan terencat, pertimbangan akan goyah dan kebenaran akan dikelirukan. Kuasa kebatilan akan meningkat, undang-undang rimba akan berkuasa dan manusia akan melanggar batas kemanusiaan menjadi binatang buas yang bersedia untuk membaham mangsanya. Dengan itu Manusia yang merupakan ciptaan Allah s.w.t. yang paling indah ini akan menjadi alat kepada kejahatan dan kerosakan serta talibarut kepada segala kemusnahan dan kebinasaan. Firman Allah yang bermaksud:

Tidakkah engkau mengetahui (Wahai Muhammad) bahawa Kami telah menghantarkan Syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir untuk menggalakkan mereka mengerjakan perbuatan kufur dan maksiat dengan bersungguh-sungguh?.(Maryam: 83)

Bahkan kejahatan manusia boleh sampai kepada peringkat di mana syaitan sendiripun akan berlepas tangan darinya. Firman Allah s.w.t.yang bermaksud:

(Sikap kaum munafik dengan kaum Yahudi) itu samalah seperti (sikap) Syaitan ketika ia berkata kepada manusia: "Berlaku kufurlah engkau!" Setelah orang itu berlaku kufur (dan tetap terkena azab), berkatalah Syaitan kepadanya: "Sesungguhnya aku berlepas diri daripadamu, kerana sebenarnya aku takut kepada Allah, Tuhan yang menguasai seluruh alam!".(Al-Hasyr: 16)